

Prestasi baik ekonomi negara bukan rekaan

BH - 18/2/2008

Pertumbuhan, peningkatan KDNK diperakui badan antarabangsa: PM



Oleh Fazli Abdullah dan Norakmah Mat Youb

GEOGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegaskan kerajaan tidak pernah menipu rakyat berhubung kedudukan ekonomi negara, sebaliknya prestasi memberangsangkan yang dicapai Malaysia disokong statistik dan diperakui badan antarabangsa.

Sambil membidas pihak tertentu yang mempertikaikan kedudukan ekonomi negara, Perdana Menteri berkata, ekonomi Malaysia semakin kukuh dan bertambah baik hasil perancangan teliti kerajaan.

Sehubungan itu, Abdullah yang juga Menteri Kewangan, memberi beberapa petunjuk dan statistik yang dikeluarkan badan antarabangsa mengenai prestasi ekonomi negara.

Antaranya, Malaysia menduduki tangga kelapan dari segi daya saing pada akhir tahun lalu berbanding kedudukan ke-10 pada 2000 dan melompat ke tempat keempat daripada tangga ke-13 dari segi kecekapan perniagaan serta kekal pada kedudukan keenam dari segi prestasi ekonomi.

Perdana Menteri berkata, perangkaan itu bukan dikeluarkan kera-

jaan, tetapi badan ekonomi dunia.

"Ketika saya menemui pemimpin industri sempena Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland baru-baru ini, mereka mengucapkan tahniah kepada kita kerana pencapaian ekonomi negara yang begitu baik.

"Masyarakat perniagaan tidak boleh ditipu kerana mereka tahu keadaan sebenar ekonomi kita," katanya pada majlis perjumpaan dengan masyarakat Cina di Dewan Perhimpunan Cina Pulau Pinang di sini. Hadir sama, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Abdullah berkata, perangkaan dan perakuan badan antarabangsa itu menunjukkan prestasi ekonomi negara baik, tetapi masih ada pihak yang tidak mahu mempercayainya.

"Saya jadi susah hati. Kerajaan cakap dia tak mahu percaya, orang lain cakap dia percaya. Kerajaan tidak berbohong kepada rakyat," katanya.

Perdana Menteri turut memberikan statistik ekonomi dalam pelbagai bidang yang menunjukkan peningkatan memberangsangkan sejak empat tahun lalu.

Beliau berkata, nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat kepada RM504 bilion pada akhir tahun lalu, berbanding RM427 bilion pada 2004, manakala nilai perdagangan antarabangsa bertambah kepada RM1.16 trilion berbanding RM881 bilion dalam tempoh sama.

Modal pasaran saham Malaysia pula meningkat kepada RM1.1 trilion

akhir tahun lalu, berbanding RM640 bilion pada 2004 dan rizab kerajaan meningkat kepada AS\$101 bilion manakala ringgit mengukuh kepada RM2.2 bagi AS\$1.

"Angka-angka ini membuktikan ekonomi kita baik, walaupun ada yang kata tidak baik," katanya.

Abdullah berkata, kenaikan harga barang berikutan peningkatan harga minyak di pasaran dunia menyebabkan sesetengah menganggap ekonomi negara tidak baik.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan memberi pelbagai subsidi berjumlah RM40 bilion bagi meringankan beban rakyat, seperti pinjaman buku teks, pengecualian yuran sekolah, kemudahan penjagaan kesihatan serta subsidi petrol dan diesel.

"Kerajaan tidak boleh turunkan

“Ketika saya menemui pemimpin industri sempena WEF di Davos, Switzerland baru-baru ini, mereka mengucapkan tahniah kepada kita kerana pencapaian ekonomi negara yang begitu baik”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

harga petrol kerana ia di luar kawalan kita, tetapi yang penting kerajaan membantu rakyat untuk menghadapi kenaikan bahan itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan tegar.

Pada 2004, kadar kemiskinan adalah 5.7 peratus tetapi berkurangan kepada 3.5 peratus pada akhir tahun lalu. Kadar kemiskinan tegar juga berkurangan daripada 1.2 peratus kepada 0.7 peratus dalam tempoh itu.

"Ini adalah satu kejayaan dan kerajaan berazam untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010," katanya.

Perdana Menteri berkata, pelbagai kemudahan dalam bidang pendidikan juga diberi bagi memastikan rakyat tanpa mengira kaum memperoleh peluang pendidikan yang seluas-luasnya seiring dengan dasar kerajaan membangunkan modal insan.

"Hari ini, kadar celik huruf di kalangan rakyat sudah mencapai tahap 100 peratus," katanya.

Abdullah turut berterima kasih kepada sektor swasta yang kebanyakannya orang Cina, kerana memainkan peranan penting dalam ekonomi negara dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Pada sesi dialog pula, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menyediakan insentif khas kepada pelabur yang menanam modal di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).